

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL  
HAMID [KAPAR]**

**TARIKH : 9 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KAPAR]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah wang yang telah dibelanjakan dan berapa jumlah pekerja yang telah menerima faedah Sistem Insurans Pekerja (SIP) yang terjejas pendapatan akibat penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 yang lalu.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini, berdasarkan rekod **Sistem Insurans Pekerjaan (SIP)**, seramai 91,027 orang pekerja telah kehilangan pekerjaan dari Januari hingga 30 Oktober 2020.
2. Sehingga 30 Oktober 2020, sebanyak **RM290.1 juta** telah diluluskan untuk dibayar kepada pekerja yang kehilangan pekerjaan serta melibatkan sebanyak **187,258 tuntutan** daripada penerima faedah iaitu Elaun Mencari Pekerjaan (EMP) sebanyak **169,212** tuntutan, Elaun Bekerja Semula Awal sebanyak (EBSA) **17,388** tuntutan dan Elaun Pendapatan Berkurangan (EPB) sebanyak **658** tuntutan.

Sekian, terima kasih.